

## SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
Lembaga Tabung Haji  
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,  
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2054 2132  
Faks : 03 2164 0436  
Email : bkk@lth.gov.my

Tabung Haji Contact Centre  
Tel : 03 6207 1919  
Faks : 03 7728 4959

[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

### KERAJAAN MALAYSIA TANGGUH HANTAR JEMAAH HAJI KE TANAH SUCI DEMI KESELAMATAN DAN KESIHATAN JEMAAH

**KUALA LUMPUR, 11 Jun 2020** – Lembaga Tabung Haji (**TH**) akan menangguhkan semua urusan berkaitan operasi haji bagi Musim Haji 1441H/2020M selaras dengan keputusan Kerajaan Malaysia untuk tidak menghantar jemaah haji negara ke Tanah Suci atas faktor keselamatan dan kesihatan.

Keputusan ini dibuat setelah YB Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri mengumumkan keputusan Kerajaan Malaysia untuk menangguh penghantaran jemaah haji dari Malaysia ke Tanah Suci ekoran penularan wabak Covid-19 yang melanda dunia termasuk di Arab Saudi.

Penularan wabak Covid-19 telah menimbulkan risiko kesihatan awam yang serius di seluruh dunia. Wabak ini telah menjangkiti lebih 7.4 juta orang manakala lebih 418 ribu telah terkorban.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, YBhg Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff berkata, keputusan Kerajaan Malaysia untuk menangguhkan pemergian kira-kira 31,600 jemaah haji Malaysia ke Tanah Suci pada tahun ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan yang amat mengambil berat aspek keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan rakyat.

“Sehubungan dengan penangguhan ini, semua bakal haji yang giliran haji diperuntukkan pada musim haji tahun 2020 akan diberi keutamaan untuk menunaikan fardu haji pada tahun 2021. Bagi bakal haji yang gilirannya adalah pada tahun 2021, mereka akan turut diberi peluang tertakluk kepada kekosongan kuota tahun semasa,” tambah beliau.

Semua bayaran haji yang telah didebit akan dipulangkan semula mengikut kadar penuh ke dalam akaun **TH** bakal haji masing-masing dalam masa terdekat. Jumlah bayaran haji tersebut juga layak menerima agihan keuntungan bagi tahun 2020.

**TH** memohon semua bakal haji untuk bersabar serta menerima keputusan ini dengan reda dan terus berdoa agar keadaan kembali pulih bagi membolehkan urusan haji diteruskan pada tahun hadapan.

*Dilampirkan soalan-soalan lazim berkaitan dengan perkara di atas.*

### **Tamat**

#### **LEMBAGA TABUNG HAJI**

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). **TH** menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini menyimpan wang untuk mengerjakan haji. **TH** mempunyai lebih 50 tahun pengalaman dalam perkhidmatan simpanan, haji dan pelaburan. Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara, **TH** berusaha untuk mengukuhkan ekonomi umat Islam Malaysia dengan memanfaatkan dana dan sumber sedia ada. **TH** komited memberi perkhidmatan cemerlang dan memuaskan kepada semua Jemaah Haji Malaysia. Pencapaian **TH** yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif. **TH** mempunyai lebih 9 juta pendeposit dan 125 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. **TH** juga mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919. Keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

<b>Affan Aimaduddin Azami</b> Eksekutif Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan <b>TH</b> , 201 Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur. Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 019 984 7138 Faks: 03 2164 0436 Emel: affan.aimaduddin@lth.gov.my	<b>Mohamad Naser Jaffar</b> Pengurus Kanan Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Menara <b>TH</b> Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2451 Tel. Bimbit: 019 200 8438 Faks: 03 2164 0436 Emel: naser@lth.gov.my
--	--